



MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman
TEL : 04-7901200 / 04-7866328
FAKS : 04-7866639
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN
PERSEKITARAN**
BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT SIBER & KAFE SIBER

1. Semua pusat siber & kafe siber hendaklah menghadkan operasi sehingga jam 12 malam.
2. Pusat siber / kafe siber hanya dibuka kepada pengunjung berumur 12 tahun ke atas. Walau bagaimanapun mereka yang berumur 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber / siber kafe dengan ditemani oleh ibu bapa / penjaga dan hanya dibenarkan berada di dalam premis sehingga pukul 10.00 malam.
3. Dilarang membenarkan pelajar yang memakai pakaian seragam sekolah berada di dalam premis.
4. Premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang mencukupi.
5. Dilarang menggunakan cermin gelap dan perlu berada ditingkat bawah sahaja.
6. Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali.
7. Tidak dibenarkan menjalankan kegiatan / aktiviti yang menyalahi peraturan seperti perjudian, muat turun bahan lucah, aktiviti berbentuk hiburan dan lain-lain.
8. Tidak menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat.
9. Pemilik lesen tidak dibenarkan menggajikan pekerja warga asing.
10. Pintu depan tidak dibenarkan berkunci sepanjang operasi perniagaan.